

03 JUN 2000

Agong-Anugerah

SERAMAI 40 ORANG TERIMA ANUGERAH DAN PINGAT DARIPADA AGONG

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini menganugerahkan darjah kebesaran, bintang dan pingat kepada 40 orang sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Rasmi Baginda hari ini.

Mereka merupakan kumpulan pertama dari 1,740 orang yang disenaraikan sebagai penerima darjah kebesaran dan pingat.

Yang turut berangkat pada istiadat yang berlangsung di Balai Rong Seri, Istana Negara itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah. Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri-menteri Kabinet.

Bekas Panglima Angkatan Tentera Jen (B) Tan Sri Haji Ibrahim Ismail mengetuai senarai penerima dengan dianugerahkan Seri Setia Mahkota (SSM) yang membawa gelaran Tun.

Anugerah bintang dan pingat yang turut disampaikan ialah darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) kepada 14 orang, Panglima Jasa Negara (PJN) (12), Panglima Setia Diraja (PSD) (3), Johan Mangku Negara (JMN) dan Johan Setia Mahkota (JSM) masing-masing empat orang dan masing-masing seorang penerima Panglima Gagah Berani (PGB) serta Jasa Perkasa Persekutuan (JPP).

Antara penerima darjah PSM yang membawa gelaran Tan Sri ialah lima bekas menteri iaitu bekas Menteri Kesihatan Datuk Lee Kim Sai, bekas Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, bekas Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat, bekas Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Seri Sabbaruddin Chik dan bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Penerima darjah PJN yang membawa gelaran Datuk termasuk Pengarang Kumpulan Berita Harian Ahmad Rejal Arbee, Ketua Eksekutif Kumpulan, Permodalan Nasional Bhd Hamad Kama Piah Che Othman dan Yang Dipertua, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia Mohamad Nakhaie Ahmad.

Dua anakanda Yang di-Pertuan Agong iaitu Tengku Datuk Hajah Zahariah dan Tengku Datuk Ahmad Shah Alhaj menerima darjah PSD yang membawa gelaran Datuk.

-- BERNAMA

NZ ES LAT